



SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016

PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN BADMINTON

1. AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam peraturan Am, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Dunia (BWF), Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Peraturan Permainan **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**
- 1.1 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.2 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan 1 berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.2.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada ketetapan dan Peraturan AM **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**
 - 1.2.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** berasaskan kepada Undang-undang Persekutuan Badminton Sedunia (BWF) dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM).
- 1.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** adalah **MUKTAMAD**.

2. TARIKH PERTANDINGAN

21 – 25 September 2016

3. TEMPAT PERTANDINGAN

Akademi Badminton,
Taman Perling, Johor Bahru



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016**

4. PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Pegawai dan kakitangan Pejabat SUK Negeri sepertimana yang dinyatakan dalam para 6.1 & 6.2 ketetapan dan Peraturan AM **Kejohanan SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**
- 4.2 Setiap Kontinjen hanya dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan sahaja yang terdiri daripada tidak lebih daripada 17 orang peserta sahaja, iaitu Seorang Pengurus Pasukan, Seorang Jurulatih, Seorang Fisioterapi dan 14 orang pemain. Pengurus Pasukan dan Jurulatih boleh terdiri daripada pemain.
- 4.3 Borang penyertaan yang lengkap hendaklah disahkan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri / Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

5. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan adalah berdasarkan Para 7.1 Peraturan AM **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum tarikh pertandingan (tertakluk kepada perubahan).
- 6.2 Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad pengenalan atau Pas Khas Peserta. Pertukaran pendaftaran nama pemain adalah dibenarkan dengan bayaran wang pemprosesan sebanyak **RM 100.00** (Ringgit Malaysia : Seratus Sahaja)
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.
- 6.4 **Kehadiran mesyuarat pengurus pasukan ini adalah wajib. Kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan denda oleh penganjur sebanyak RM 300.00**



SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016

7. KATEGORI PERMAINAN

7.1 Pertandingan Badminton ini dijalankan secara berpasukan dengan susun atur acara bagi setiap kategori adalah seperti berikut:-

- i. Beregu Veteran Lelaki (45 Tahun ke Atas)
- ii. Beregu Pegawai Lelaki (Pegawai Gred 41 ke Atas)
- iii. Beregu Wanita Terbuka
- iv. Beregu Lelaki Terbuka
- v. Beregu Campuran

7.2 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain untuk 1 (satu) kategori sahaja.

8. SISTEM PERMAINAN

8.1 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa, sebagaimana yang telah diputuskan oleh Persekutuan Badminton Dunia (BWF) iaitu seperti berikut:-

i. PAKAIAN

- i) Semua pasukan dikehendaki memakai pakaian yang sesuai.
- ii) Kontinjen digalakkan mencetak logo atau nama Pejabat SUK masing-masing pada jersi atau baju-T yang dipakai setiap perlawanan

ii. FORMAT PERTANDINGAN

- i) Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** mempunyai hak menentukan format pertandingan dan jadual pertandingan berasaskan kepada pengesahan jumlah pasukan.

ii) PERLAWANAN PERINGKAT KUMPULAN

- a) Pasukan akan diundi (Setelah mengambilkira seeded pasukan) ke dalam 4 kumpulan atau mengikut jumlah yg



ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola, dengan minimum tiga (3) pasukan atau maksimum lima (5) pasukan dalam setiap kumpulan.

- b) Setiap Kumpulan akan diketuai oleh pasukan seeded seperti berikut;

A	B	C	D
Seeded 1	Seeded 2	Seeded 3	Seeded 4
3 pasukan	3 pasukan	4 pasukan	4 pasukan

- c) Perlawanan peringkat kumpulan akan diadakan secara liga satu pusingan.

- d) Setiap pasukan perlu menghabiskan kesemua perlawanan iaitu lima (5) perlawanan. Jika pasukan telah berlawanan dalam perlawanan yang awal tetapi menarik diri untuk bermain dalam baki perlawanan yang masih ada, kesemua perlawanan yang telah bermain oleh pasukan itu akan dibatalkan.

- e) Dua (2) pasukan teratas setiap kumpulan atau diputuskan berlainan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** layak ke peringkat suku akhir.

iii) PERLAWANAN PERINGKAT SUKU AKHIR DAN SEPARUH AKHIR

- a) Perlawanan Peringkat Suku Akhir dan Separuh Akhir akan diadakan secara kalah Mati Satu Pusingan.

- b) Perlawanan Peringkat Suku Akhir akan diadakan seperti berikut kecuali diputuskan berlainan oleh **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**.

A1 lwn C2	C1 lwn A2
B1 lwn D2	D1 lwn B2

- c) Perlawanan Peringkat Separuh Akhir adalah seperti berikut kecuali diputuskan berlainan oleh Jawatankuasa



SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016

Teknikal dan Pertandingan Badminton **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**

A1 / C2 lwn C1 / A2
B1 / D2 lwn D1 / B2

d) Pemenang-pemenang dalam Perlawanan Separuh Akhir layak ke peringkat akhir.

iv) PERLAWANAN PERINGKAT AKHIR

a) Perlawanan Peringkat Akhir akan diadakan secara kalah mati satu pusingan.

b) Pasukan yang menang dalam perlawanan Akhir akan diisytiharkan sebagai Johan dan yang kalah sebagai Naib Johan Pertandingan Badminton **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**

v) WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

a) Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual Pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**.

b) Semua pasukan wajib mematuhi jadual perlawanan dan tiada masa menunggu.

vi) PENGIRAAN MATA PERLAWANAN

a) Pertandingan dijalankan secara best of three. Format pengiraan mata adalah seperti berikut:-

i) Set pertama dan kedua mata penamatnya ialah 21 mata. Jika keputusannya terikat 20-20 sama, pemain yang terlebih dahulu mencapai kelebihan dua (2) mata akan diisytiharkan sebagai pemenang.

(Contoh: 22-20, 23-21, 25-23)



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016**

- ii) Jika keputusan seri atau terikat 1-1, set penentuan (set ketiga) akan dijalankan sehingga mata penamat 21.
- iii) Diperlawanan Peringkat Awal, mana-mana pasukan yang mendahului permainan 3-0 dimestikan juga menghabiskan perlawanan dengan menurunkan beregu ke-empat dan beregu terakhir.
- iv) Bagi perlawanan Peringkat Kalah Mati, mana-mana pasukan yang mendahului permainan 3-0 akan terus dikira pemenang tanpa perlu menurunkan beregu seterusnya. Sekiranya terikat keputusan permainan 1-1 atau 2-2, beregu terakhir akan diturunkan untuk penentuan pemenang.

vii) PEMBERIAN MATA ATAU PENENTU PASUKAN PEMENANG

- a) Dua (2) mata akan diberikan bagi pasukan yang menang dan tiada (0) mata bagi yang kalah.
- b) Dalam perlawanan liga peringkat kumpulan, penentuan pasukan-pasukan teratas atau pemenang adalah mengikut susunan hirarki seperti berikut:
 - i) Pasukan yang mendapat mata yang tertinggi, dikira sebagai pemenang.
 - ii) Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mendapat mata yang sama, maka penentuan pasukan teratas atau pemenang adalah berasaskan kaedah-kaedah seperti berikut:
 - a) Pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak, jika sama;
 - b) Pasukan yang mempunyai bilangan **game** yang terbanyak, jika sama;



- c) Perbezaan mata antara yang diperolehi dan yang kena dalam setiap keseluruhan pertandingan akan dikira, jika sama;
- d) Pertemuan awal antara pasukan yang terlibat diambil kira. Pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang, atau;
- e) Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** akan menentukan keputusan dan keputusan adalah muktamad.

viii) BILANGAN PEMAIN YANG TIDAK MENCUKUPI

- a) Sekiranya mana-mana pasukan kekurangan pemain apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang dijadualkan maka pasukan berkenaan tidak layak bertanding dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** akan membuat keputusan yang mana ia adalah muktamad.

9. BANTAHAN

- 9.1 Sebarang bantahan hanya boleh di buat oleh Pengurus Pasukan sahaja dan hendaklah di buat secara lisan kepada Pengadil yang bertugas ketika itu. Kemudian tersebut hendaklah di kemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Badminton tidak lewat 30 minit selepas tamat pertandingan tersebut. Surat Bantahan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dengan disertakan bersama wang pemprosesan. Wang tersebut tidak akan dikembalikan samada bantahan tersebut berjaya atau ditolak oleh Jawatankuasa.
- 9.2 Sebarang bantahan berkaitan kelayakan pemain hanya boleh di buat semasa mesyuarat Pengurus Pasukan. Bantahan yang dibuat selepas itu akan ditolak. Keputusan Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan akan muktamad.



SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016
KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU
21 hingga 25 September 2016

10. JAWATANKUASA BANTAHAN

Ahli-ahli Jawatankuasa Bantahan adalah sebagaimana berikut :-

Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Tenikal Badminton
Setiausaha : Koodinator Jawatankuasa Pertandingan Badminton
Ahli : Wakil Jawatankuasa Pengelola
Pegawai Teknikal Badminton
Refri/Pengadil Kehormat

Sebarang keputusan adalah muktamat.

11. HADIAH

Hadiah – hadiah yang akan disediakan bagi pemenang adalah sebagaimana berikut:-

KEDUDUKAN	HADIAH
JOHAN	PIALA PUSINGAN PIALA IRINGAN Tujuh Belas (17) Pingat Emas
NAIB JOHAN	PIALA IRINGAN Tujuh Belas (17) Pingat Perak
KETIGA BERSAMA	Tiga Puluh Empat (34) Pingat Gangsa (Tujuh belas 17 pingat bagi setiap pasukan)

SEKRETARIAT
SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016
JOHOR BAHRU